

Bil. S 4

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH MEMPERUNTUKKAN DARIPADA
KUMPULANWANG KEMAJUAN, 2000

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 20 haribulan Mei, 2000 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraiian (5) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

SEKARANG, DARI ITU, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraiian-ceraian (3) dan (5) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Memperuntukkan Daripada Kumpulanwang Kemajuan, 2000 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2001.

Pengeluaran dan memperuntukkan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi \$550,400,000.00 dari Kumpulanwang Kemajuan adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
701	Pertanian	\$2,200,000.00
702	Perhutanan	\$7,936,000.00
703	Perikanan	\$8,100,000.00
704	Kemajuan Perusahaan	\$22,309,000.00
705	Perdagangan dan Kemajuan Usahawan	\$4,000,000.00
706	Pendidikan	\$27,565,000.00
707	Jalan Raya	\$60,841,000.00
708	Penerbangan Awam	\$15,665,000.00
709	Laut dan Pelabuhan	\$8,510,000.00
710	Elektrik	\$100,131,000.00
711	Telekom	\$24,668,000.00
712	Radio Televisyen Brunei	\$314,000.00
713	Perkhidmatan Pos	\$850,000.00
714	Perumahan Kerajaan	\$8,400,000.00
715	Perubatan dan Kesihatan	\$15,677,000.00
716	Kebersihan	\$3,050,000.00
717	Pembekalan Air	\$21,421,000.00
718	Kemudahan Awam dan Projek Alam Sekitar	\$3,431,000.00
719	Bangunan Awam	\$46,010,000.00
720	Perumahan Negara	\$87,471,000.00
721	Hal Ehwal Ugama	\$3,462,000.00

JADUAL (Sambungan)

Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
722	Kajian Kemungkinan	\$1,290,000.00
723	ABDB Tutong	\$0
724	ABDB Berakas	\$0
725	ABDB Bolkiah	\$2,000,000.00
726	ABDB Penanjong	\$2,000,000.00
727	ABDB Muara	\$3,000,000.00
728	Projek Rampaian ABDB	\$11,000,000.00
729	ABDB Binturan	\$0
730	Polis	\$9,740,000.00
731	Pengaliran Air	\$4,150,000.00
732	Simpanan Gagasan	\$45,209,000.00
		\$550,400,000.00

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 30 haribulan Disember, 2000, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM